

DARIPADA INTROSPEKSI DIRI KEPADA NARATIF MERENTASI ZAMAN DAN SEMPADAN DALAM KARYA A. HALIM ALI

NORAZIMAH ZAKARIA
Universiti Pendidikan Sultan Idris
norazimah@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Maksud introspeksi diri ialah proses penilaian diri (fikiran, idea, perasaan) dengan mendalam atau bermaksud membuat penilaian ke atas diri sendiri. Perjalanan dari introspeksi diri kepada naratif merentasi zaman dan sempadan, peralihan daripada konvensi kepada pemecah tradisi dalam mencari keunggulan karya memperlihatkan A. Halim Ali sebagai seorang penyair yang telah mencipta gaya kepenyairan yang tersendiri. Objektif makalah ini ialah menghuraikan empat unsur Teori Teksdealisme dalam melihat keunggulan kepengarangan A. Halim Ali sebagai penyair yang prolific. Makalah ini akan menggunakan Teori Teksdealisme oleh Mana Sikana sebagai landasan. Naluri penyajak ialah tempat bermula letusan rasa yang kemudiannya terbentuk menjadi sedih atau gembira sebelum digubah dengan keindahan bahasa. Daripada introspeksi diri, melalui sajak yang bersifat romantisisme, pergerakan sajak A. Halim Ali merentasi zaman dan sempadan apabila mempertentangkan sajak “Kembali ke Akar Leluhur” dan naratif perjalanan beliau melalui sajak “Kita Bangsa Serumpun.” Kedua-dua sajak ini dilihat sebagai pemecah kepada konvensi kepada sebuah keunggulan dalam berkarya. Peranan karya sastera bukan sahaja dilihat sebagai rakaman pengalaman diri tetapi dilihat juga sebagai wadah pendidikan, pemikiran dan kisah kehidupan sesuatu bangsa. Oleh sebab itu tugas kepenyairan bukanlah mudah kerana untuk mencipta keunggulan dalam berkarya, penyair perlu menguasai aspek gaya bahasa dan pemilihan peristiwa supaya mesej yang ingin disampaikan kepada pembaca dapat disampaikan dengan jelas dan sempurna. Maka dalam hal ini A. Halim Ali telah mencapai satu tahap keunggulan dalam berkarya apabila mempertentangkan aspek di luar batas kebiasaan dalam diksi bahasa penulisan sajak.

Kata kunci: A. Halim Ali; introspeksi; Mana Sikana; puisi Melayu; Teksdealisme

FROM INTROSPECTION TO NARRATIVES ACROSS THE ERAS AND BOUNDARIES IN THE WORKS OF A. HALIM ALI

ABSTRACT

Introspection means an in-depth self-assessment process (thoughts, ideas, and feelings) or making an evaluation on oneself. The journey from self-introspection to narrative cuts across time and boundaries, a shift from the conventional to the breaking of traditions in finding a quintessential work, has shown that A. Halim Ali as a poet who has created his own distinctive style in producing poems. The objective of this paper is to elaborate the four elements in the Textdealism Theory in looking at the outstanding authorship of A. Halim Ali

as a prolific poet. This paper will use the Textdealism Theory by Mana Sikana as the reference point. The poet's instinct is where the effervescent of feelings begins, in which later becomes sadness or happiness, before it is composed with beautiful language. From the introspection, through romanticism poems, the movement of A. Halim Ali's poems go across eras and boundaries when the "Kembali ke Akar Leluhur" poem and the narratives of his journey in "Kita Bangsa Serumpun" poem are compared. Both poems are seen as breaking the convention to excellence in producing a work. The literature's position is not only seen as a documentation of one's experience, but also as a reservoir of education, thoughts and stories of life of a society. Due to it, the task of creating poems itself is laborious because to produce the distinctiveness in one's work, the poet has to master the aspects of the styles of the language and the selections of events so that the message that is intended to be expressed to the readers can be delivered clearly and flawlessly. Therefore in this case, A. Halim Ali has achieved a level of distinctiveness in producing a work when his styles are non-conforming to the typical aspects of words selection in poem writing.

Keywords: A. Halim Ali; introspection; Mana Sikana; Malay poems; Teksdealisme

PENGENALAN

Abdul Halim Ali atau nama penanya A. Halim Ali lahir pada 27 April 1964 dan berasal dari Merchang Terengganu serta berkelulusan ijazah kedoktoran dalam bidang Teori sastera. Sebelum menyertai Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) A. Halim Ali pernah bertugas sebagai guru di beberapa buah sekolah di negeri Sarawak, Terengganu dan Pahang. Kini beliau merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Abdul Halim banyak menghasilkan karya puisi dan kritikan sastera. Karya puisi dan kritikan beliau banyak tersiar dalam majalah Dewan Sastera DBP, pelbagai jurnal dan akhbar-akhbar tempatan. Beliau juga adalah pengulas tetap ruangan ulasan sajak majalah *Tunas Cipta* DBP. Dalam persatuan beliau menganggotai Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) sebagai ahli jawatankuasa, Presiden Persatuan Penulis Budiman Malaysia (BUDIMAN) dan Presiden Pertubuhan Ahli Akademik dan Profesional Anak Terengganu (PERAPAT). Dalam pentadbiran, Abdul Halim pernah dilantik sebagai Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu, Timbalan Dekan Pengurusan dan Penyelidikan Fakulti Bahasa, Felo Penyelidik Institut Peradaban Melayu dan kini menjawat jawatan Pengarah Pusat Perhubungan Alumni, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (2011 hingga kini).

Antara karya puisi beliau yang diterbitkan ialah kumpulan puisi *Permintaan Alam* (2000), *Citra Kehidupan* (2005) dan *Melihat ke dalam Diri* (2015). Beliau turut menyelenggarakan beberapa antologi puisi seperti *Balada Suluh Budiman* (2002), *Meraut Air Limpah* (2006), *Wahai Api Jadilah Embun Jadilah Dingin* (2005), *Dalam Redup Wajah Ibu* (2008), *Unggun Kebahagiaan* (2011), *Api dan Air Mata Rohingya* (2012) dan *Simpanlah dalam Ingatanmu* (2012), *Pilar-pilar Waiduri* (2012) dan *Kuibarat Lilin II* (2014). Beliau turut menyelenggara penerbitan buku akademik seperti *Kumpulan Esei Bahasa dan Sastera* (2002), *Penghayatan Sastera Melayu Moden* (2005), *Pak Lah dan Pendidikan* (2005), *Menyelusuri Jejak Peradaban* (2012), *Konsep Teori Takmilah: Perluasan & Penafsiran* (2014) dan *Wanita dalam Wacana Sastera* (2015). Manakala buku-buku akademik tulisan beliau ialah *Bingkisan Sastera* (2003), *Pengantar Teori dan Kritikan Sastera* (2011, 2013), *Memahami Puisi Melayu Tradisional* (2013), *Teori Historisisme Baru: Sorotan Idea & Aplikasi Kritikan* (2014), *Wacana Teori dan Kritikan Sastera* (2015) dan *Ikhtisar Teori dan Kritikan Sastera* (2015) (A. Halim Ali, 2015: 169-170). Objektif makalah ini ialah menghuraikan empat unsur Teori Teksdealisme dalam melihat keunggulan kepengarangan A. Halim Ali sebagai penyair yang prolific.

METODOLOGI

Makalah ini menggunakan kaedah kepustakaan yang merujuk buku-buku kumpulan puisi A. Halim Ali, artikel jurnal dan buku teori yang berkaitan dengan topik perbincangan. Makalah ini turut menggunakan kaedah analisis kandungan teks. Analisis berlandaskan kepada Teori Teksdealisme yang digagaskan oleh Mana Sikana.

Teori Teksdealisme

Teori Teksdealisme digagaskan oleh Mana Sikana yang berusaha menginterpretasi secara analitis dan kritis sesebuah karya dan kemudiannya mengangkat karya tersebut ke puncak idealismenya. Teori ini bergerak pada landasan yang mempercayai bahawa, setiap pengarang memiliki dinamika kepengarangan yang akan mendorong seseorang pengarang berusaha memajukan diri dengan menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi. Pengarang mempunyai hasrat yang bersungguh-sungguh untuk mencipta kelainan-kelainan, perkara-perkara baharu yang berbeza dengan pengarang lain mahupun dengan karya-karyanya yang terdahulu, agar dengan kelainan-kelainan itu akan dapat mengangkat darjat diri dan karyanya ke tahap yang unggul. Bagi mencapai tahap keunggulan ini, Teksdealisme menuntut seseorang pengarang bersifat berani mengemukakan sesuatu yang baharu dan bijaksana mengolah karya berlandaskan bidang keilmuan yang tinggi. Tanpa sifat keberanian dan kebijaksanaan, teks-teks yang dihasilkan hanya akan bergerak dalam lingkungan tradisinya dan tidak memecah kepada teks-teks yang unggul (A. Halim Ali, 2003:140).

PERBINCANGAN

Dalam usaha mencapai keunggulan karya, Mana Sikana (2003) yang dipetik dalam A. Halim Ali (2003: 140) menggariskan empat prinsip penting. Pertama ialah prinsip kehadiran, iaitu pengarang menulis berdasarkan pengalaman yang diperolehi. Pengalaman tersebut pula mungkin diperolehi daripada pergolakan politik, isu ekonomi, gerakan dakwah, isu semasa dan sebagainya. Kedua ialah prinsip pelanggaran, iaitu melibatkan usaha pengarang dalam memilih sama ada untuk mengekalkan atau mengubah sesuatu isu dalam cerita untuk mencapai keunggulan karya. Dengan erti yang lebih mudah, pelanggaran dapat didefinisikan sebagai suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya.

Ketiga ialah aspek pengukuhan. Pengukuhan pengarang berlaku dalam pelbagai peringkat dan situasi. Daripada sumber pengalaman serta keberanian melakukan reformasi, pengarang akan melakukan penyelidikan, pengejapan, pematangan dan penyempurnaan dalam usaha mengukuhkan teks dan dirinya sebagai penulis. Prinsip keempat adalah aspek individualisme. Prinsip individualisme atau keperibadian merupakan kemuncak kepada Teori Teksdealisme. Kegigihan, keberanian, ketabahan, keintelektualan, kerajinan, kreativiti serta sifat-sifat pemberontakan perlu ada pada diri pengarang seperti Mana Sikana sendiri.

Prinsip Kehadiran dan Pelanggaran

Pembicaraan tentang kepenyairan dan kepengarangan A. Halim Ali telah dilakukan oleh beberapa orang sarjana tempatan seperti A. Wahab Ali, Siti Khairiah Mohd Zubir, Talib Samat, Mohamad Mokhtar Hasan dan ramai lagi. Perbincangan karya beliau turut dilakukan juga oleh pelajar ISMP dan Sarjana Sastera. A. Wahab Ali telah meneliti karya *Permintaan Alam* yang merupakan buku kumpulan puisi pertama A. Halim Ali. Prinsip kehadiran ditandai dengan kumpulan puisi ini.

Kumpulan puisi ini setebal 96 halaman, memuat 82 buah sajak, diterbitkan oleh Diwangsa Publication & Distributors Bandar Baru Selayang Selangor Darul Ehsan. Menurut A. Wahab Ali (2004: 166) bagi penyair baru seperti A. Halim ini, penerbitan kumpulan puisi ini sudah merupakan kejayaan kerana ada penyair yang lebih lama berkecimpung dalam bidang ini, namun masih belum mampu membukukan sajaknya. Menurutnya lagi sebagai penyair A. Halim Ali mempunyai beberapa keistimewaan. Keistimewaan beliau ialah beliau sangat mahir dalam memindahkan bahasa prosa menjadi bahasa puisi. Baginya A. Halim Ali cukup menguasai bahasa puisi sehinggakan isu yang biasa dalam kehidupan seharian kita dapat dipuisikannya dengan begitu berkesan.

Antologi *Permintaan Alam* dibahagikan kepada lima kelompok oleh A. Wahab Ali. Pengelompokan itu ialah renungan, nasionalisme, kritik sosial, puisi kepada tokoh, serta seruan dan moral. A. Halim tidak membahagikan puisinya mengikut tema tertentu seperti kebiasaan yang dilakukan oleh para penyair lain, sebaliknya menurut A. Wahab Ali (2004: 166), A. Halim Ali membiarkan antologinya ini lepas bebas, dan membiar sahaja pembaca menikmatinya mengikut kesedapan mereka.

Siti Khariah Mohd Zubir pula telah meneliti kumpulan puisi *Citra Kehidupan* karya A. Halim Ali daripada aspek "Citra Wanita". Kumpulan puisi ini berada dalam prinsip perlanggaran. Karya ini memuatkan 85 buah sajak yang ditulis sekitar tahun 2000 hingga 2005. Siti Khariah (2006: 96) telah mengkaji 12 buah sajak di bawah subtajuk "Citra Wanita". Menurutnya dalam untaian rasa penyair ada menyatakan bahawa wanita penting dalam kehidupannya. Wanita menjadi teman, kekasih dan rakan dalam setiap waktu yang diperlukan oleh seseorang lelaki dan juga anak-anak. Baginya penyair berpendapat bahawa pada diri wanita tergambar medan permainan hati dan perasaan. Baginya pengalaman hidup bersama isteri dan anak-anak lebih memberikan makna. Dalam sajak "Terima Kasih Isteriku" penyair memaparkan ketulusan suami dalam meyakinkan hati si isteri yang sering ditinggalkan dan sering berjauhan. Suami meninggalkan isteri keseorangan dalam kesepian kerana kesibukan bekerja.

Citra Kehidupan merupakan satu himpunan rakaman sebahagian besar daripada pengalaman penyair berhadapan dengan keunikan ciptaan Tuhan. Keunikan ini menyentuh minda dan rasa di jiwa penyair sehingga setiap satu yang terdaya dirakamnya diceritakan semula satu persatu. Pemerian citra ini dilandasi inti pengamatan yang meliputi kehidupan umumnya, perihal dunia wanita, insan berjasa, diri, kecintaan kepada bahasa ibunda dan kecintaan kepada kedamaian. Enam perkara pokok ini menganjur satu hamparan citra kehidupan manusia yang pelbagai rupa dan unik sifatnya. Dalam kumpulan puisi ini, A. Halim Ali sudah mula menampakkan kebiasaan dengan menggunakan gaya bahasa yang lebih mantap dan lebih baik sehingga memberi kesan elemen keindahan yang lebih mendalam.

Prinsip Pengukuhan dan Individualisme

Antologi *Melihat ke dalam Diri* (2015) terbitan NHA Excell Resources Shah Alam mempunyai 90 buah sajak yang dibahagikan kepada enam kelompok, iaitu kelompok "Dalam Ruang Ilmu", "Dalam Asap Beracun", "Melihat ke Dalam Diri", "Doa Buat Ibu", "Antara Pesan dan Ingatan", "Amarah". Tajuk kumpulan puisi ini telah mengambil salah satu daripada tajuk yang terdapat dalam kumpulan puisi tersebut. Kumpulan puisi ini memperlihatkan tema melihat ke dalam diri atau berintrospeksi ke dalam diri tentang dosa, ujian yang diterima dan harapan penyair. Tema ini menjurus kepada prinsip pengukuhan yang terdapat dalam Teori Teksdealisme. Maksud introspeksi diri menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* ialah proses penilaian diri (fikiran, idea, perasaan) dengan mendalam atau bermaksud membuat penilaian ke atas diri sendiri. Menurut Mana Sikana (2015: v) dalam kata pengantar antologi *Melihat ke dalam diri* mengenai penulisan A. Halim Ali ialah "Pembaca dibawa untuk menyelami makna diri dalam kelompok sajak *Melihat ke dalam diri*. Manusia akan lebih memahami orang lain bila mereka terlebih dahulu memahami dirinya. Sajak "Melihat ke dalam diri" membuka ruang muhasabah dan ruang argumentasi diri agar manusia lebih bersedia memahami diri sendiri sebagai jalan menggapai kemaafan Tuhan".

Terdapat enam belas buah sajak bawah kelompok “Melihat ke dalam diri”. Antaranya ialah “Melihat ke dalam Diri”, “Muharram”, “Azan dan Doa”, “di Klinik”, “Jendela Mekah”, “Kakiku”, “Darah Tinggi”, “Sedikit”, “Malam dan Siang”, “Taubat”, “Sibuk Amat”, “Ujian I”, “Gout”, “Ujian II”, “Aku Berlindung di bawah Rahmat-Mu”, dan “Menanti Belunggu Rantai”. Kesemua sajak ini berkisar tentang diri penyair. Menurut A. Halim Ali (2015: 56) bukan perkara baharu bagi diri seseorang penyajak menggunakan sajak sebagai medan meluahkan perasaan hati, pemikiran, sindiran dan kritikan. Sajak menyediakan lorongan puitisme untuk membolehkan bahasa dapat dilaraskan secara indah dengan naluri dan pemikiran penyajak. Naluri penyajak ialah tempat bermula letusan rasa yang kemudiannya terbentuk menjadi sedih atau gembira sebelum digubah dengan keindahan bahasa. Penyajak beraliran romantisisme lazimnya menggunakan karya sastera bagi menumpahkan perasaannya.

Penyair beraliran realisme dan Marxisme menumpahkan kritikan, sindiran dan kemanusiaan dalam sajak mereka justeru, pembaca dapat menyelami perasaan dan buah fikir penyajak di sebalik bahasa yang digunakan. Jika penyajak berada dalam situasi perasaan yang tidak ceria, tidak gembira atau sedang dilanda kesusahan, maka dengan mudah desakan perasaan sedih dan sayu itu dilorongkan dalam bahasa. Itulah yang dialami oleh A. Halim Ali dalam antologi *Melihat ke dalam Diri*. Pengalaman diri bukan sahaja dialami oleh penyair namun turut berlaku pada penyair beraliran romantisisme yang cenderung membuat introspeksi diri. Ini adalah cermin kejujuran penyair dalam mempertentangkan perasaan diri untuk diketahui dan dikongsi bersama dengan masyarakat. Luahan hati penyair kepada isteri dalam sajak “Kakiku (Tini, kalau kau tahu)” disifatkan secara penuh sedar ditulis oleh penyair dalam mencari erti pengertian dalam sebuah hubungan suami isteri. “Kakiku” adalah simbol kepada sebuah perjalanan kehidupan penyair dalam mengharungi kehidupan berumah tangga. Konflik yang dipertentangkan adalah suara kejujuran penyair yang mungkin mustahil dilakukan oleh mana-mana penyair sekalipun. Suara kejujuran itu jelas dalam rangkap 3, 4 dan 5. Contohnya:

Aku tak meminta tapi berilah simpati
saat kakiku luka berkali.

Aku pernah berjalan berhari-hari
ke lembah dan belantara kata
dengan kaki terluka
mencari ilham
memburu puisi cinta
buat mengubat jiwamu
yang hiba

aku pernah menahan beban
sebelah kakikuku bergoyang kencang
memaut tubuhmu
yang kehilangan perasaan

(*Melihat ke dalam Diri*: 63)

Introspeksi diri tentang masalah kesihatan yang dihadapi penyair turut dijadikan sumber ilham penyair dengan tajuk “Gout”. Penyakit yang dideritai oleh penyair dilihat dalam satu rangkap dan jelas dinyatakan dengan penggunaan bahasa yang terpilih. Contohnya:

Aku diracun cinta pahit
oleh urik gedit
meninggalkan aku sengsara
dan derita

di persimpangan buku lali.

(*Melihat ke dalam Diri: 71*)

Diksi gout, diracun cinta pahit, sengsara, derita sudah cukup dimengertikan pembaca makna kesakitan penyakit yang dideritai penyair. Gout sejenis penyakit yang ditakrifkan sebagai penghasilan asid urik secara berlebihan di dalam badan dan ini berlaku dalam keadaan di mana pengeluarannya bertambah dengan pengambilan secara berlebihan makanan purin (zat semula jadi) berprotein tinggi. Apabila ini terjadi, pesakit gout akan mengalami bengkak pada bahagian kaki, panas dan amat sakit hingga ada sesetengahnya tidak boleh berjalan. Sekiranya pesakit tersebut menghadapi gout yang kronik, kehidupan harian yang normal akan terganggu dan perkara yang paling ditakuti ialah berlakunya kecacatan pada sendi dan otot, sama ada ringan atau berat. Maka disebabkan kesakitan yang tidak tertanggung oleh penyair maka dijelmakan dalam sebuah sajak dalam satu rangkap yang amat bermakna.

Daripada introspeksi diri, melalui sajak yang bersifat romantisisme, pergerakan sajak A. Halim Ali merentasi zaman dan sempadan apabila mempertentangkan sajak “Kembali ke Akar Leluhur” dan naratif perjalanan beliau melalui sajak “Kita Bangsa Serumpun”. Penulisan sajak ini dilihat menepati prinsip keindividualan dalam Teori Teksdealisme. Kedua-dua sajak ini dilihat sebagai pemecah kepada konvensi kepada sebuah keunggulan dalam berkarya. Daripada tema tentang diri, penyair membentangkan nama tokoh pada zaman tradisi seperti Hang Tuah, Hang Jebat, Pak Kaduk dan Lebai Malang untuk dihadam oleh pembaca pada zaman kini dan penyair turut mengemukakan latar merentasi sempadan iaitu Thailand. Pengembaraan beliau di Thailand dinaratifkan dalam sajak melalui pemilihan diksi yang sangat menarik.

Aspek kehadiran ditandai dengan puisi yang bertema tentang diri A. Halim Ali yang menjelaskan introspeksi diri. Manakala aspek keunggulan karya dapat dilihat dalam sajak bertajuk “Kembali ke Akar Leluhur”, sajak “Kita Bangsa Serumpun” dan sajak “Wahai Api Jadilah Dingin Jadilah Embun” dalam antologi *Melihat ke dalam Diri* (2015) karya A. Halim Ali. Beliau membawa tema yang berkontradiksi dengan konvensi dalam sajak “Kembali ke Akar Leluhur” apabila meminta pembaca memikir kembali kisah-kisah watak seperti Hang Tuah dan Hang Jebat dalam *Sejarah Melayu*, kisah Pak Kaduk dan Lebai Malang dalam sastera lisan. Beliau meminta pembaca supaya beralih daripada mencontohi sifat kesetiaan yang buta kepada benar dan nyata, beralih dari berani kepada lebih membuat pertimbangan, mencontohi sifat yang baik dan tidak merendahkan sifat seseorang kerana dalam cerita tersirat seribu makna bagi manusia yang mahu berfikir. Contohnya:

Lalu, kembali ke akar leluhur
bukan bermakna menilik watak Hang Tuah
untuk dipuja
bukan juga mengambil keberanian Hang Jebat
untuk dipuji
tidak juga Pak Kaduk, tidak juga Lebai Malang
Datuk Bendahara jauh sekali

Kembali ke akar leluhur
bererti berhijrah daripada kesetiaan buta
kepada benar yang nyata

Kembali ke akar leluhur
bermakna beralih dari keberanian di mata
kepada pertimbangan di jiwa

Akar leluhur itu sumur tempat ditimba
kebenaran dan kebijaksanaan

tanah subur tempat tumbuh pohon diri
ranting-ranting berbunga pekerti
dahan sasa meneguh perdu bangsa.

(*Melihat ke Dalam Diri*: 48-49)

Dalam *Hikayat Hang Tuah* ketokohan Hang Tuah sebagai pahlawan Melayu yang berkhidmat dengan Raja Melaka. Pada awal cerita dikisahkan tentang asal-usul Hang Tuah. Kemudian Hang Tuah digambarkan sebagai seorang yang mempunyai kehebatan mempertahankan diri dan bermain senjata. Selain itu, Hang Tuah juga merupakan seorang yang pintar dalam menghadapi muslihat, tipu helah, dan risiko. Kepahlawanan Hang Tuah ibarat perisai kepada negeri Melaka. Zaman kegemilangan Melaka memuncak dengan kredibiliti Hang Tuah sebagai laksamana yang digeruni negara luar seperti Majapahit dan Siam.

Dalam *Hikayat Hang Tuah*, Hang Jebat merupakan seorang pahlawan yang telah dibunuh oleh Hang Tuah kerana menderhaka kepada raja. Keberanian dan ketegasan Hang Jebat untuk mencari keadilan sehingga sanggup menderhaka kepada Sultan menjadikan dia disanjung oleh sesetengah golongan sehingga ke zaman ini. Ungkapan “Raja Adil Raja Disembah, Raja Zalim Raja Disanggah” menjadikan kata-kata hikmat setiap kali memperkatakan perjuangan untuk menuntut keadilan atau bila hendak memperkatakan kezaliman raja yang memerintah. Kedua-dua watak ini dijelmakan oleh penyair dalam sajak dan dilihat mempunyai kepentingan yang tersendiri. Watak Pak Kaduk dan Lebai Malang dalam sastera lisan turut digabungkan dalam sajak beliau. Kedua-dua watak ini berada dalam ruang makna yang tersendiri dan berada dalam senarai genre cerita jenaka.

Cerita jenaka adalah sejenis cerita rakyat yang berada dalam lingkungan sastera lisan atau sastera rakyat. Cerita ini mengandungi unsur humor atau lucu dan ia membawa kesan yang menggembirakan, geli hati kerana mengandungi unsur kelucuan. Unsur lucu dibawa melalui sifat watak-watak geli, lucu, geli hati dan seterusnya membawa rasa gembira dan terhibur. Kelucuan cerita jenaka dilahirkan dari sifat dan tindakan atau perlakuan yang dilakukan oleh watak itu sendiri. Nama watak melambangkan sifat-sifat watak. Contohnya watak bodoh pintar seperti watak Pak Pandir, watak bodoh sial seperti Lebai Malang dan Pak Kaduk, serta watak pintar seperti Si Luncai dan Pak Belalang.

Sifat terlalu bodoh hingga mendatangkan bencana melakukan kesilapan kerana kebobohan tetapi melucukan. Contohnya melalui cerita Lebai Malang. Unsur lucu timbul daripada sifat bodoh sialnya. Beliau tidak dapat memilih tempat majlis kenduri yang mana harus dihadiri terlebih dahulu kerana ingin menghadiri ketiga-tiga tempat tersebut akibat sifat tamak dan haloba. Kelucuan bertambah apabila lempengnya digonggong oleh anjing.

A. Halim Ali secara sinis meletakkan watak-watak yang dikenali dalam sastera lisan seperti Pak Kaduk dan Lebai Malang supaya pembaca dapat berfikir. Melalui cara ini sajak beliau telah mencapai tahap keunggulan kerana telah melalui pelanggaran konvensi daripada biasa. Beliau meletakkan dirinya sebagai pencerita serba tahu apabila beliau memahami perasan Lebai Malang yang lebih terdahulu menjalankan kewajibannya seperti biasa dalam memenuhi undangan kenduri tanpa kompromi walaupun masyarakat mengatakannya bernasib malang dan bersifat tamak haloba. Dengan gelaran sebagai lebai, sudah tentulah A. Halim Ali memahami peranan yang dimainkan oleh watak tersebut. Sebagai orang yang memahami kedudukan lebai dalam masyarakat maka A. Halim Ali membandingkan sifat lebai malang dengan kebanyakan watak tokoh nyata pada zaman sekarang. Sindiran secara sedar membuatkan sajak ini amat menarik dan pembaca perlu kreatif dalam memahami peranan watak cerita lisan tersebut yang telah dibandingkan dengan pemimpin pada masa kini. Contohnya:

Lebai Malang juga dibuat cerita
kononnya rugi di hulu rugi di hilir
dapat sisa tulang pun dianggap malang
tapi lebai berasa bahagia kerana

dia tak pernah makan rasuah
atau curi wang rakyat berjuta
atau menaiki jet mewah
dan kereta lamborgini untuk pergi kenduri
sekadar kayuh perahu dengan kudrat sendiri
dia tetap penuh undangan kenduri
di hulu dan di hilir rezeki bukan ditentukan subsidi

(Melihat ke Dalam Diri: 48)

Naratif perjalanan A. Halim Ali ke Thailand digambarkan dengan sangat menarik dalam sajak “Kita Bangsa Serumpun”. Latar tempat seperti Songkla, Patani, Narathiwat, Fatoni diwarnakan juga dengan budaya masyarakat Thailand sehingga pembaca turut dapat merasai pengalaman perjalanan tersebut. Contohnya pada rangkap 7 dan 8:

Hari ini kukunjungi lagi bumimu di Selatan
anjungnya tetap serupa
pelangi bangsa masih berwarna
kebun kasih yang tumbuh serumpun, kulihat
masih subur berpagar tali persaudaraan

Esok kuharap dapat datang ke sini lagi
berjalan perlahan merentas denai cinta
di tanah Satun
dan menyusur di bumi Songkla
lalu langsung ke timur
untuk singgah sebentar di Pattani
yang sarat dengan tomyam dan somtam
sambil menghirup udara nyaman di Narathiwat

(Melihat ke Dalam Diri: 54)

Suara harapan kepada sebuah perdamaian diungkapkan oleh A. Halim Ali dalam sajak “Wahai Api Jadilah Dingin Jadilah Embun”. Sajak ini menunjukkan bahawa penyair amat cakna dengan masalah antarabangsa dan memperlihatkan harapannya agar bumi Gaza tidak bergolak lagi. Pemilihan diksi yang disesuaikan dengan kisah di dalam Al-Qur’an menjadikan sajak ini berinterteks dan berujukan. Ia memperlihatkan penyair telah melakukan gaya penulisan yang berada di luar konvensi apabila menjadikan sajak beliau penuh dengan fakta namun masih mempunyai keindahan dalam gaya bahasa yang menarik dan memukau. Contohnya pada rangkap 1, 2 dan 3:

Wahai debu-debu pasir di tanah Gaza
bertebaranlah ke segenap ruang mata zionis
cakar dan cakirlah kelopak dan keningnya
lumpuhlah penglihatan mereka
di depan dan di belakang
tertutup pandangan
seperti pemuda Quraisy yang kebutaan
mengepung rumah Muhammad
mereka tidak mampu melangkah
nanti datang sambar petir al-Qassam
dengan izin Tuhanku

Wahai api yang menyala dari pembuluh meriam

tumpahkan air ke bumi Gaza
ledakkan salji
jadilah dingin jadilah embun
seperti dinginnya api yang membakar
Ibrahim dalam amarah Namrud

Wahai burung-burung kecil di angkasa
pandanglah ke anjung Gaza
bawalah batu-batu nestapa dari neraka
lontarkan ke gerombolan penceroboh zionis
seperti ababil kerdil mengirim batu api
menghentam kawanan Abrahah
hancur dalam kebongkakannya.

(Melihat ke Dalam Diri: 144)

Penyair mengambil kisah yang terdapat di dalam Al-Qur'an sebagai metafora penuh makna dalam ketiga-tiga rangkap di atas. Rangkap 1 misalnya adalah kisah orang-orang kafir Quraisy yang berusaha ingin membunuh Rasulullah. Pada suatu hari mereka bermesyuarat untuk membincangkan bagaimana cara untuk membunuh Rasulullah SAW, yang selama ini usaha mereka hanya menemui kegagalan. Di dalam mesyuarat itu ada yang mencadangkan agar Rasulullah SAW dibuang dari Kota Makkah. Sebahagian yang hadir setuju dengan cadangan tersebut. Ketika itu masuk iblis yang menyamar sebagai orang tua sambil berkata "Jika kamu mengusirnya, sudah tentu ia akan diterima oleh bangsa lain. Lama-kelamaan pengikutnya akan bertambah ramai dan akan menghancurkan kamu. Bagaimana jika kita bunuh saja Muhammad itu". Abu Jahal menyambut cabaran itu dengan senang hati. Bahkan ia mencadangkan agar diatur strategi yang baik. Ia menyuruh mengambil tiap satu suku beberapa orang yang kuat dan pandai dalam membunuh. Kemudian dari berbagai-bagai suku itu dihimpun menjadi satu kekuatan yang akan menghancurkan Nabi Muhammad SAW. Jika Nabi Muhammad keluar dari rumah, mereka harus membunuh secara bersama-sama. Dengan cara ini keluarga Bani Hasyim akan sukar untuk menghadapi semua suku di Tanah Makkah itu.

Cadangan Abu Jahal tersebut dipersetujui oleh peserta mesyuarat. Pada malam berikutnya mereka bercadang untuk mengepung rumah Nabi Muhammad. Sebelumnya Rasulullah SAW telah berpesan kepada Abu Bakar bahawa malam tersebut akan berlaku hijrah. Para pemuda kafir Quraisy semuanya telah mengepung rumah baginda. Mereka tidak mahu memasuki rumah baginda tersebut, kerana mereka hanya mendapat perintah supaya menunggu di luar sahaja. Sebelum Rasulullah SAW mengadakan perjalanan, baginda menyuruh Ali bin Abi Thalib tidur di atas tempat tidur baginda. Rasulullah SAW telah mengetahui dan sedar bahawa rumah baginda telah dikepung oleh pemuda-pemuda Quraisy.

Mereka semua berhasrat ingin membunuh dan memotong-motong tubuh baginda seperti yang dikatakan oleh Abu Jahal dalam mesyuarat di gedung Darun nadwah. Baginda menghadapi cubaan ini dengan hati yang terbuka dan keimanan yang teguh. Baginda yakin bahawa Allah sentiasa bersama dengan orang-orang yang benar. Tiada rasa takut walaupun sedikit dalam hati baginda. Baginda membuka pintu rumah dan keluar melihat dengan tenang, baginda melihat seluruh pemuda yang ada di luar semuanya telah tertidur lena. Baginda tidak sedikit pun berniat jahat terhadap mereka, malah baginda hanya mengambil segenggam debu dan menaburkan kepada mereka.

Kisah benar yang diambil oleh A. Halim Ali sebagai sumber ilham kepenyairannya memperlihatkan kepentingan nilai ilmu yang dititikberatkan oleh beliau. Sebagai pembaca, mereka tentunya akan tertanya-tanya kisah yang digambarkan oleh penyair dan secara tidak langsung ia dapat menambah pengetahuan sedia ada dan ilmu kepada pembaca apabila mereka turut mencari kisah sebenar tersebut melalui rujukan kedua. Sifat beliau sebagai pendidik amat mempengaruhi pemilihan kata dalam kesemua sajak beliau apabila beliau bukan sahaja memberi input hiburan kepada pembaca tetapi juga memberi nilai didaktik dan ilmu yang amat berguna. Benarlah seperti apa yang dikatakan

oleh Mana Sikana dalam kata pengantar antologi *Melihat ke dalam Diri* mengenai diri A. Halim Ali iaitu “mendepani keseluruhan susun atur sajak-sajak di dalam kumpulan puisi ini ialah sajak-sajak yang membawa tema ilmu. Saya percaya, penyair meletakkan ilmu sebagai pendahulu kerana kondisi penyair sebagai seorang pendidik dan juga keutamaan ilmu atas semua perkara lain. Ilmu adalah sebahagian daripada teras pengungkapan penyair dalam kumpulan puisi ini. Ilmu adalah satu ruang yang terisi di dalamnya kebijaksanaan. Namun kebijaksanaan itu umpama barang yang hilang. Ia hanya dimiliki oleh sesiapa yang mencari dan menemuinya. Inilah hakikat ilmu yang ada di dalamnya kebijaksanaan dan manusia akan sampai kepadanya dengan izin Allah SWT”.

PENUTUP

Perjalanan dari introspeksi diri kepada naratif merentasi zaman dan sempadan, peralihan daripada konvensi kepada pemecah tradisi dalam mencari keunggulan karya memperlihatkan A. Halim Ali sebagai seorang penyair yang telah mencipta gaya kepenyairan yang tersendiri. Peranan karya sastra bukan sahaja dilihat sebagai rakaman pengalaman diri tetapi dilihat juga sebagai wadah pendidikan, pemikiran dan kisah kehidupan sesuatu bangsa. Dalam hal ini, penulis bertanggungjawab dalam memastikan karya yang dihasilkan dapat memenuhi fungsi tersebut. Oleh sebab itu tugas kepenyairan bukanlah mudah kerana untuk mencipta keunggulan dalam berkarya, penyair perlu menguasai aspek gaya bahasa dan pemilihan peristiwa supaya mesej yang ingin disampaikan kepada pembaca dapat disampaikan dengan jelas dan sempurna. Maka dalam hal ini A. Halim Ali telah mencapai beberapa peringkat dalam penulisan kumpulan puisi beliau yang bermula dengan prinsip kehadiran, iaitu pengarang menulis berdasarkan pengalaman yang diperolehi. Kedua ialah prinsip pelanggaran, iaitu melibatkan usaha pengarang dalam memilih sama ada untuk mengekalkan atau mengubah sesuatu isu dalam cerita untuk mencapai keunggulan karya. Ketiga ialah aspek pengukuhan. Pengukuhan pengarang berlaku dalam pelbagai peringkat dan situasi. Daripada sumber pengalaman serta keberanian melakukan reformasi, pengarang akan melakukan penyelidikan, pengejapan, pematangan dan penyempurnaan dalam usaha mengukuhkan teks dan dirinya sebagai penulis. Prinsip keempat adalah aspek individualisme sehingga akhirnya A. Halim Ali telah mencapai satu tahap keunggulan dalam berkarya apabila mempertentangkan aspek di luar batas kebiasaan dalam diksi bahasa penulisan sajak.

RUJUKAN

- Norazimah Zakaria. 2013. Hikayat Melayu @ Sejarah Melayu “Long Version” Versi Tengku Said: Satu Kajian Teks Sastra Sejarah. *Jurnal Melayu*, 10, 36-48.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Rozaimah Rashidin. 2008. Rasuah dalam Karya Sastra Melayu Klasik: Satu Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal e-Bangi*, 3(1), 1-32.
- Siti Khairiah Mohd Zubir. 2007. Wanita Menurut Kaca Mata A. Halim Ali. *Jurnal Pendeta*, 95-104.
- Ali Ahmad. 1987. *Karya-karya Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Halim Ali. 2003. *Bingkisan Sastra*. Kuala Lumpur: Diwangsa Publications & Distributors.
- A. Halim Ali. 2005. Antologi *Citra Kehidupan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- A. Halim Ali. 2015. Antologi *Melihat ke dalam Diri*. Shah Alam: NHA Excell Resources.
- A. Halim Ali. 2015. Memahami Erti Kesayuan dan Kesenangan Hati. *Tunas Cipta*.
- A. Wahab Ali. 2004. *Kesusasteraan Melayu Moden dalam Kajian dan Kritikan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Haron Daud. 1989. *Sejarah Melayu: Satu Kajian daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. 1985. *Esei-esei Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. 1990. *Pendekatan Kesusasteraan Moden*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Karyawan.
- Norazimah Zakaria. 2016. *Kanon Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rendra, WS. 2001. *Penyair dan Kritik Sosial*. Yogyakarta: Kepel Press.
- Said, Edward. 1983. *The World, the text, and the critic*. Massachusetts: Harvard University Press.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1984. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Biodata Penulis:

Norazimah Zakaria

Penulis merupakan pensyarah kanan dalam bidang kesusasteraan Melayu di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjong Malim, Perak. Kepakaran beliau merentas kesusasteraan tradisional dan moden. Buku terbaru beliau adalah *Kanon Melayu* (2016).